## KESAN RANCANGAN PENEMPATAN SEMULA (RPS) TERHADAP SOSIO-EKONOMI KOMUNITI ORANG ASLI

KAJIAN KES: DESA TEMUAN, BUKIT LANJAN, SELANGOR

## GOBI KRISHNA A/L SINNIAH

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah

> Fakulti Alam Bina Universiti Teknologi Malaysia

> > 1 DISEMBER 2005

## ABSTRAK

Kajian penyelidikan ini dijalankan bagi melihat kesan penempatan semula komuniti Orang Asli terhadap sosio-ekonomi, sosio-budaya dan kepercayaan dalam usaha untuk mencapai matlamat kajian ini, iaitu melihat kesan penempatan semula komuniti orang asli terhadap perubahan sosio-ekonomi dan sosio-budaya dan mencadangkan pendekatan perancangan yang lebih efektif di masa hadapan. Pembangunan ke atas masyarakat Orang Asli mengakibatkan mereka kehilangan sumber ekonomi, amalan sosio-budaya dan hilang hak jatidiri. Ini mengakibatkan komuniti tersebut tidak dapat menerima perubahan, malahan ada yang menolak pembangunan. Kajian ini dilakukan di Desa Temuan, Bukit Lanjan, Petuniuk sosial yang digunakan dalam kajian ini merangkumi karektor populasi, struktur komuniti dan institusi, perubahan individu dan keluarga dan keperluan infrastruktur komuniti, Terdapat beberapa aspek sosial yang digunakan merangkumi status ekonomi dan pekerjaan, pola sosial dan gaya hidup, kemudahan sosial dan perhubungan, kesihatan, keselamatan, kepercayaan agama dan tradisional dan kebudayaan dan estetika. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa program penempatan semula komuniti Orang Asli sebenarnya amat memberi kesan terhadap pekerjaan, pendapatan dan perbelanjaan mereka jika dibandingkan antara sebelum dan selepas program penempatan semula tersebut. Oleh yang demikian, beberapa cadangan telah dibuat. Antara yang dicadangkan ialah pendekatan perancangan yang lebih efektif dan model konsep perumahan berdusun yang mana menyediakan ruang untuk bercucuk tanam, berkebun dan penternakan.

## ABSTRACT

This study is to identify the impact of resettlement of Orang Asli community on their socio-economy, socio-culture and beliefs to ensure the goal of the study, which is to identify the impact of resettlement scheme of Orang Asli community on socio-economy, socioculture and beliefs. The development to the community basically shows the changes on socio-economy activities, threat to the socio-culture value and losing of Orang Asli identity. As a result, they cannot adapt to the transformation, in fact they cannot absorb to the new development. This study was carried out in Desa Temuan, Bukit Lanjan. Some of the social variables used for this study are population characteristics, community and institutional structures, individual and family changes and community resources. There are also social aspect used in the study such as economy and occupation status, social living and lifestyle, social facilities and linkages, health, safety, beliefs and traditional practices and infrastructure. The study shows that the resettlement scheme resulted in more impact in terms of occupation, income and expenditure compared to before the resettlement scheme was introduced to them. Therefore, several suggestions and recommendations are suggested. The planning approaches proposed are the 'orchard home' or 'country home' models, which indicates the space for agricultural, orchard land and farming activities.